

## 2 warga emas tamat kembara 3,000km

[FOTO ROSMAN SHAMSUDIN/BH]



Halim (kiri) dan Ahmad berehat seketika selepas sampai di sempadan daerah Narathiwat.

**Slim River:** Walaupun meniti usia warga emas namun dua rakan, Halim Awang Ngah, 65, dan rakanannya Ahmad Jusoh, 70, berjaya menamatkan kembara bermotosikal mengembara ke seluruh negara hingga ke Singapura dan Thailand membabitkan perjalanan lebih 3,000 kilometer (km) selama 20 hari.

Menggunakan hanya motosikal kapcai Honda Future 125cc dan Yamaha LC 135 cc, dua sahabat itu bersyukur kerana tidak berdepan masalah besar dan perjalanan mereka lancar sepanjang konvoi yang dinamakan Kembara Masjid dan Surau itu.

Hanya berbekalkan beberapa helai pakaian dan alat ganti motosikal serta bekalan minyak petrol, mereka tekad mengembara meskipun menyedari keadaan cuaca sekarang kurang mengizinkan. Mereka memulakan perjalanan

pada 4 Mac yang lalu dari Sungai Buloh melalui Seremban hingga ke Melaka dan berhenti berehat semalaman serta meneruskan perjalanan ke Johor diikuti negeri lain di Semenanjung.

Halim yang ditemui ketika singgah di pekan Slim River untuk bertemu sepupunya, Anuar Mohd Shamsudin, 51, berkata sepanjang pengembaraan dia membawa kira-kira RM1,500 sahaja dan hanya membelanjakan RM150 untuk kos minyak motosikal sepanjang pengembaraan itu.

### Buat senaman ringan

Bekas pesara kerajaan itu berkata, beliau sering melakukan senaman ringan setiap hari sebelum membuat pengembaraan dan mengamalkan pemakanan sihat.

Walaupun demam, pada peringkat awal pengembaraan, ia dapat diatasi sehingga berjaya menamat-

kan pengembaraan yang sungguh bermakna buatnya.

"Sepanjang pengembaraan kami menunggang motosikal dalam kelajuan 80-100km sejam sahaja dan apabila terasa mengantuk kami berhenti di kedai untuk minum menyegarkan mata sebelum meneruskan perjalanan," katanya.

Katanya, setiap kali hendak meneruskan perjalanan selepas solat Subuh, mereka berdua akan memeriksa dahulu motosikal masing-masing dan memastikan alat ganti yang dibawa dalam keadaan baik serta boleh digunakan pada waktu kecemasan.

Kegigihan kedua warga emas ini perlu dijadikan contoh kepada generasi masa kini kerana walaupun usia warga emas, mereka mampu menamatkan pengembaraan lebih 3,000km dengan selamat bagi merealisasikan impian ketika zaman muda.